

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Tuesday, January 14, 2020 12:56 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Program CSR Tanggungjawab Universiti, Sumbangan Kepada Komuniti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

14 JANUARI 2020 / 18 JAMADILAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Unit Media Kedah (Warta Kedah)

PROGRAM CSR TANGGUNGJAWAB UNIVERSITI, SUMBANGAN KEPADA KOMUNITI



UUM ONLINE: Selaras dengan hasrat menjadikan universiti untuk masyarakat, peranan universiti bukan sahaja dalam aspek akademik malah memberikan sumbangan kepada komuniti melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Pengarah Bahagian Perkhidmatan dan Sokongan Pelajar (SSSD), Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Rajwani Md. Zain berkata, program CSR sudah menjadi tanggungjawab UUM untuk memberikan sumbangan kepada masyarakat dan Taman Sinar Harapan di Jitra ini merupakan institusi yang paling hampir dengan UUM yang menyediakan perlindungan, penjagaan dan penempatan kepada orang kelainan upaya (OKU).

Menurutnya, selain memberi perkhidmatan dalam bentuk akademik dan latihan kepada kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), beliau melihat penglibatan pelajar UUM dengan cara turun padang dan menyediakan perkhidmatan atau mendekati penghuni di situ akan membuatkan pelajar lebih prihatin dan sensitif dengan keperluan OKU dengan adanya kerjasama JKM.

"Kita perlu mengadakan program jangka panjang atau berskala besar yang bukan menumpukan kepada pembabitkan pelajar program tertentu sahaja tetapi menyeluruh dan program CSR ini boleh diadakan secara mingguan yang mana pelajar akan datang memberi perkhidmatan seperti menyediakan makanan atau memandikan penghuni.

"Sebelum ini, program CSR yang dijalankan bersama pelajar hanya secara *one-off* sahaja, justeru di bawah SSSD, saya merancang untuk mengadakan CSR ini secara berkala dengan penglibatan sekurang-kurangnya lima hingga 10 pelajar walaupun ia tidak berimpak besar tetapi ia akan memberi impak mendalam kepada pelajar dan penghuni terlibat kerana saya percaya penghuni OKU di sini merindui belaian dan kasih sayang keluarga dan orang ramai," katanya ketika menghadiri Majlis Perasmian Program Santuni OKU di Taman Sinar Harapan, Jitra, semalam.

Program tersebut telah dirasmikan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Hannah Yeoh dan hadir sama Timbalan Menteri Kewangan merangkap Ahli Parlimen Kubang Pasu, Dato' Ir. Amiruddin Hamzah dan EXCO Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Halimatun Shaadiah Saad.

Selain itu, Dr. Rajwani berkata, UUM juga sudah menyediakan lebih banyak kemudahan yang kondusif kepada pelajar OKU dan beliau percaya pada kemasukan pelajar baharu akan datang lebih banyak peluang kepada golongan terbabit untuk menyambung pelajaran di UUM.

Sementara itu dalam program Santuni OKU itu, Hannah Yeoh telah menerangkan tentang inisiatif dan pencapaian kerajaan khususnya dalam membantu golongan sasar JKM terutama melibatkan golongan OKU, antaranya Skim Bantuan Kebajikan Kerajaan Persekutuan yang meliputi Elaun Pekerja Cacat, Bantuan Penjagaan OKU, Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja dan Bantuan Alat Tiruan.

Menurutnya, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah banyak membantu meningkatkan pendaftaran Murid Berkeperluan Khas (MBK) di sekolah, manakala Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memperkenalkan Kad OKU Sub-Kategori Pembelajaran.

"Pada tahun ini, kementerian akan mempergiatkan lagi Kempen Jom Daftar terutamanya di kawasan pedalaman untuk mendaftarkan lebih ramai OKU dan memberi informasi tentang manfaat sebagai pemegang kad OKU," katanya yang turut menyerahkan Kad OKU Sub-Kategori Pembelajaran kepada kanak-kanak OKU, penyerahan kerusi roda, penyampaian sijil penghargaan kepada CSR dan penyerahan Skim Intensif Pendaftaran Kad OKU.

JKM mempunyai tujuh Taman Sinar Harapan di seluruh negara dan salah satunya adalah Taman Sinar Harapan Jitra yang mempunyai 62 penghuni terdiri 39 lelaki dan 23 perempuan.





Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.